

## PERATURAN PERMAINAN DART

### 1.0 NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Dart Berpasukan Campuran Sukan Staf UTeM.

### 2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut undang-undang dan Peraturan Am Sukan Staf UTeM yang dikuatkuasakan sepanjang pertandingan ini.

### 3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Selain daripada peraturan-peraturan terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut Undang-Undang Persatuan Dart Malaysia dan terjemahan Undang-Undang Persatuan Persatuan Dart Antarabangsa yang berkuatkuasa pada ketika ini.

### 4.0 KELAYAKAN PEMAIN

Rujuk Perkara 3.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf UTeM.

### 5.0 FORMAT PERTANDINGAN

5.1 Pertandingan akan dijalankan secara Berpasukan mengikut ketentuan berikut :-

- 5.1.1 Perseorangan Terbuka (*Single*) - 501 X 3
- 5.1.2 Beregu Lelaki (Double) - 501 X 3
- 5.1.3 Beregu Wanita (Double) - 501 X 3

### 6.0 PEMBENTUKAN PASUKAN

- 6.1 Semua pasukan diwajibkan mendaftar senarai nama pemain di dalam borang yang disediakan.
- 6.2 Seorang pemain layak bermain dalam **1 (satu) kategori sahaja**.

## 7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Pengurus Pasukan mestilah menyerahkan borang pemain kepada Pengadil 30 minit sebelum perlawanan bermula. Pindaan nama pemain tidak dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Urus Setia Pertandingan dan pasukan lawan.
- 7.2 Pertandingan akan dimulakan secara undian yang akan dilakukan oleh Pengadil (Chalker) secara lambungan duit syiling (Toss of a coin).
- 7.3 Seseorang pemain boleh berbincang atau mendapat buah fikiran mana-mana pemain dalam pasukannya semasa dalam permainan (in between throws) kecuali Chalker. Walau bagaimanapun, pemain dibenarkan bertanya kepada Chalker bagi mata yang diperolehi dan baki yang tinggal sahaja.
- 7.4 Bagi setiap perlawanan pemenang akan dikira berdasarkan kiraan 'legs' seperti berikut :
- |              |   |     |                       |
|--------------|---|-----|-----------------------|
| Perseorangan | - | 501 | ( Best of 2 / 3 legs) |
| Berpasangan  | - | 501 | ( Best of 2 / 3 legs) |
- \*Bagi pasukan yang mendapat 3 legs akan dikira sebagai pemenang.**
- 7.5 Seseorang pemain tidak dibenarkan membuat sesuatu yang boleh dianggap sebagai tindakan yang disengajakan untuk melambatkan permainan.
- 7.6 Menarik diri (walk over) tidak dibenarkan. Jika berlaku, pasukan yang berkena akan dianggap sebagai menarik diri daripada pertandingan seterusnya. Keputusan-keputusan pertandingan yang terdahulu terbatal dengan sendirinya.
- 7.7 Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab untuk mengawal ahli-ahli pasukan agar mamatuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Ahli Jawatankuasa Pertandingan.

7.8 Sistem Kiraan Mata akan dijalankan mengikut ketentuan berikut :-

7.8.1 Hanya dart yang melekat pada dart board sahaja yang dikira matanya setelah ketiga-tiga dart dibaling.

7.8.2 Seseorang pemain tidak dibenarkan mencabut dart dari dart board sehingga 'Chalker' selesai membuat kiraan.

7.8.3 Peraturan 'bust' adalah dikenakan sekiranya seseorang pemain memperoleh skor yang melebihi point dan pada score board mata yang diperoleh tidak dikira mata.

7.8.4 Seseorang pemain yang berjaya menamatkan permainan dengan double atau balingan yang pertama, kedua atau ketiga akan ditetapkan sebagai menamatkan permainan.

7.8.5 Mana-mana salah kira yang dibuat oleh Chalker mengenai baki mata, seseorang pemain hendaklah memberitahu Chalker akan kesalahan tersebut dan memperbetulkan sebelum pemain meneruskan balingan. Sekiranya tiada sebarang bantahan dari mana-mana pihak, maka kesilapan itu akan ditetapkan sah dan sebarang pembetulan atas score tersebut tidak akan dilayan.

## 8.0 SISTEM CARTA & UNDIAN PERTANDINGAN

8.1 Pertandingan akan dijalankan menggunakan Sistem Liga kumpulan (pusingan awal) dan johan & naib johan kumpulan akan layak bermain di pusingan Kalah Mati.

8.2 Format Penentuan Kumpulan

JUMLAH PEMAIN	JUMLAH PASUKAN & PEMAIN DALAM KUMPULAN					
	Jumlah Kumpulan	Kump A	Kump B	Kump C	Kump D	Kump E
8	2	4	4	-	-	-
9	3	3	3	3	-	-
10	3	3	3	4	-	-
11	3	3	4	4	-	-
12	4	3	3	3	3	-
13	4	3	3	3	4	-
14	4	3	3	4	4	-
15	5	3	3	3	3	3
16	5	3	3	3	3	4
17	5	3	3	3	4	4
18	5	3	3	4	4	4
19	5	3	4	4	4	4
20	5	4	4	4	4	4

### 8.3 Cara Dua (2) Kumpulan :

#### 8.3.1 Pusingan Awal

8.3.1.1 Sekiranya enam (6) pasukan atau lebih mengambil bahagian, pasukan akan dibahagikan kepada dua (2) kumpulan iaitu kumpulan A & B dan pertandingan dijalankan secara liga.

8.3.1.2 Johan tahun lepas akan berada di kedudukan A1, Naib Johan akan berada di kedudukan B1 dan Tempat Ke-3 dan Ke-4 akan diundi untuk kedudukan A2 atau B2.

8.1.1.3 Sekiranya ada pasukan menarik diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dan hanya tinggal 2 pasukan sahaja dalam satu kumpulan, maka satu pasukan terakhir yang berada dalam kumpulan lagi satu akan dipindahkan secara automatik kedalam kumpulan yang tinggal 2 pasukan tersebut.

#### 8.3.2 Pusingan Separuh Akhir

8.3.2.1 Johan kumpulan A akan bertemu dengan Naib Johan Kumpulan B dan Johan kumpulan B akan bertemu dengan Naib Johan kumpulan A dan perlawanan dijalankan secara kalah mati.

#### 8.3.3 Pusingan Akhir

8.3.3.1 Pemenang bagi setiap perlawanan akan berlawan untuk menentukan Johan dan Naib Johan.

### 8.4 Cara Tiga (3) Kumpulan :

#### 8.4.1 Pusingan Awal

8.4.1.1 Pasukan akan dibahagikan kepada kumpulan A, B, dan C.

8.4.1.2 Setiap kumpulan mengandungi 3 hingga 4 pemain.

8.4.1.3 Johan tahun lepas akan berada di kedudukan A1, Naib Johan akan berada di kedudukan B1 dan Ke-3 akan berada di tempat C1.

8.4.2 Pusingan Suku Akhir – Akhir

8.4.2.1 Johan dan Naib Johan kumpulan akan layak ke pusingan suku akhir. Susunan kedudukan adalah seperti berikut:



8.5 Cara Empat (4) Kumpulan :

8.5.1 Pusingan Awal

8.5.1.1 Pasukan akan dibahagikan kepada kumpulan A, B, C dan D.

8.5.1.2 Setiap kumpulan mengandungi 3 hingga 4 pemain.

8.5.1.3 Johan tahun lepas akan berada di kedudukan A1, Naib Johan akan berada di kedudukan B1 dan Ke-3 akan berada di tempat C1 dan Ke-4 di kedudukan D1.

8.4.2 Pusingan Suku Akhir – Akhir

8.4.2.1 Johan dan Naib Johan kumpulan akan layak ke pusingan suku akhir. Susunan kedudukan adalah seperti berikut:



8.6 Carta Lima (5) Kumpulan

8.5.1 Pusingan Awal

8.5.1.1 Pasukan akan dibahagikan kepada kumpulan A, B, C, D dan E.

8.5.1.2 Setiap kumpulan mengandungi 3 hingga 4 pemain.

8.5.1.3 Johan tahun lepas akan berada di kedudukan A1, Naib Johan akan berada di kedudukan B1 dan Ke-3 akan berada di tempat C1 dan Ke-4 di kedudukan D1.

8.5.2 Pusingan Suku Akhir – Akhir

Johan dan Naib Johan kumpulan akan layak ke pusingan suku akhir. Susunan kedudukan adalah seperti berikut



BYE

## 9.0 PERKARA LARANGAN

- 9.1 Pemain tidak dibenarkan meninggalkan gelanggang permainan kecuali dengan kebenaran Pengadil.
- 9.2 **Memakai selipar dan seluar pendek / jeans tidak dibenarkan semasa bermain.** Semua Ketua Pasukan adalah diminta memastikan semua pemain berpakaian kemas.
- 9.3 **Semua pemain tidak dibenarkan menghisap rokok, meminum/membawa minuman keras atau di bawah pengaruh alkohol semasa pertandingan.**
- 9.4 Pemain yang membawa telefon bimbit (handset), pastikan nada dering telah ditukar kepada 'vibrate mode' semasa berada di dalam dewan pertandingan.

## 10.0 ALATAN PERTANDINGAN

- 10.1 Peralatan pertandingan yang diguna pakai semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang seperti yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang Persatuan Dart Malaysia.
- 10.2 Para peserta hanya perlu membawa peralatan sendiri semasa kejohanan.

## 11.0 MENARIK DIRI/MENYERAH KALAH

- 11.1 Setiap pasukan/pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur.
- 11.2 Pasukan/pemain yang menarik diri dari perlawanan akan diberikan 3 mata kemenangan kepada pihak lawan dan semua keputusan sebelum penarikan tidak akan dikira (bergantung kepada keadaan)

## 12.0 HADIAH & PEMENANG

Rujuk perkara 14.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

## 13.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Rujuk perkara 17.0 Peraturan AM Kejohanan Sukan Staf UTeM.

## 14.0 RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Atlet	5	5	5
Pegawai	1	1	1
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>6</b>